

29/11/1997

Tingkatkan kesedaran beli barang tempatan

MENGAWAL harga barang perlu nampaknya menjadi keutamaan kerajaan terutama memikirkan kesulitan rakyat yang terpaksa berbelanja lebih daripada biasa menjelang perayaan tidak lama lagi. Walaupun tanpa perayaan, harga barangan memang dijangka berubah. Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyatakan kepentingan pengguna tetap menjadi pertimbangan utama kerajaan sebelum meluluskan tuntutan pengeluar dan peniaga yang mencadangkan menaikkan harga barangan. Kabinet akan meneliti setiap permohonan menaikkan harga barangan dengan mengambil kira ulasan dan pertimbangan pelbagai agensi serta kementerian sebelum membuat keputusan muktamad.

Menurut Anwar, tuntutan hanya diluluskan jika ada penggunaan komponen import yang tidak boleh dielakkan dalam operasi mereka. Beliau memberi contoh tuntutan kenaikan harga minyak kelapa sawit. Kabinet selepas menimbang tuntutan itu tidak dapat meluluskannya dan setakat ini tidak menggalakkan kenaikan harga bahan itu. Anwar menegaskan setiap permintaan untuk kenaikan harga barangan terpaksa diteliti implikasinya.

"Kita tidak boleh menolak begitu saja permohonan," katanya.

Menurutnya, komponen import dalam barangan itu harus dikaji sama ada ia benar-benar tinggi. Suara meminta agar harga beberapa barangan keperluan dinaikkan sudah kedengaran. Antara barangan yang disebut ialah gula, minyak masak dan tepung. Semakin kita mendekati hari perayaan, tekanan untuk kenaikan harga barangan yang diperlukan, pasti bertambah kuat.

Walaupun barangkali kenaikan sesetengah barangan keperluan tidak dapat dielakkan akibat tuntutan kepada barangan itu meningkat tetapi kita harus pula memastikan kenaikan itu tidak terlalu membebankan. Gula penting untuk menyambut perayaan tetapi jika suri rumah tidak berlebihan menggunakan gula, belanja dapat dijimatkan. Apa yang dibimbangkan kenaikan harga barangan akan membawa kepada gejala inflasi.

Sehubungan di sinilah tepatnya peranan Majlis Bertindak Ekonomi Negara (NEAC) yang antara lain diberi tugas mengawal inflasi. Gerakan mengawal harga barangan keperluan harus membabitkan rakyat daripada setiap lapisan. Ia harus membabitkan pertubuhan yang berpengaruh di kalangan usahawan dan peniaga seperti dewan perniagaan.

Sebenarnya ujian yang kita hadapi daripada kemelut ekonomi negara masih belum dirasakan kesannya secara tepat. Tetapi keadaan itu yang akan dirasakan agak mendadak sewaktu kita membuat persiapan menyambut Aidilfitri dan Tahun Baru Cina kelak. Kerana itu kita beranggapan wajar mulai sekarang dilancarkan kempen menasihatkan suri rumah berjimat. Untuk lebih berkesan, gerakan jimat-cermat harus membabitkan beberapa perkara lain dalam kehidupan kita. Umpamanya, sambutan dengan perarakan bunga manggar untuk pemimpin, cenderamata atau cenderahati untuk jemputan terhormat serta cara lain yang membazirkan belanja, hendaklah dihentikan. Nasihat seperti ini sebenarnya kerap dibuat pemimpin sejak dulu lagi, malangnya tidak diendahkan.

Selepas berikrar mempertahankan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad daripada fitnah 34 ahli Kongres Amerika dan menolak campur tangan mereka dalam urusan rumah tangga kita serta mempertahankan Petronas daripada diganggu oleh undang-undang Amerika, sekarang pula adalah tanggungjawab rakyat memperlihatkan semangat dan perasaan cinta terhadap tanah air. Inilah masanya menunjukkan bakti segala keputusan dan kata-kata mencintai negara dan membela pemimpin, bukan omong kosong.

Mencari keuntungan berlebihan mungkin tidak menyalahi undang-undang tetapi ia adalah perbuatan tidak sopan, apa lagi menyorok barangan menunggu ketika yang baik untuk dijual dengan harga tinggi, adalah melanggar adab kerukunan hidup bermasyarakat.

Sesetengah kita mungkin menganggap remeh anjuran supaya kita membeli barangan buatan tempatan. Apa kesannya kepada ekonomi negara jika perbezaan harga barangan tempatan dengan barangan import tidak begitu besar. Tetapi ia berkesan jika dilakukan oleh sebahagian besar rakyat. Barangkali sukar untuk kita yang sudah biasa membeli barangan pakaian diimport tiba-tiba menukar selera membeli barangan buatan tempatan. Memang penyesuaian diri mengambil waktu tetapi jika kita bertekad mengubah kebiasaan kita, nescaya kita akan berhasil.

Ramai kenalan berkunjung keluar negara menceritakan mereka terbeli barangan buatan Malaysia di kedai beli-belah di London atau di California seperti kasut, baju, beg kulit dan sebagainya. Ini menunjukkan barangan buatan Malaysia sama tinggi mutunya dengan buatan negara asing. Orang Jepun tidak akan menaiki kapal terbang penumpang syarikat lain jika ada syarikatnya sendiri. Daripada membeli pensil dan alat tulis hingga kepada membeli kamera, orang Jepun lebih cenderung mengutamakan barangan buatan bangsa sendiri.

Penubuhan NEAC baru-baru ini menunjukkan tekad kerajaan menggembeng tenaga dan fikiran seluruh rakyat demi menghadapi cabaran masa depan. Ia bukanlah seperti Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) ketika zaman Allahyarham Tun Abdul Razak kerana keadaan penubuhannya tidak serupa. NEAC akan mempunyai `kuasa yang sama digunakan dalam sesuatu keadaan darurat'.

(END)